

BERAPA YANG PERLU SAYA BELANJAKAN UNTUK PERLINDUNGAN TAKAFUL?



Kebanyakan orang tahu bahawa plan Takaful merupakan aspek penting dalam plan kewangan yang holistik. Walau bagaimanapun, masih terdapat ramai rakyat Malaysia yang salah faham tentang keperluan dan mendapatkan perlindungan Takaful yang sewajarnya. Sudah tentu, perlindungan Takaful mempunyai nilai harganya. Jika diberi bajet yang tiada had, tentulah kita memilih perlindungan yang terbaik dan paling komprehensif sejajar dengan harganya. Realitinya, kita perlu menyesuaikan keperluan dan keinginan kita selari dengan kemampuan bajet yang ada.

Jadi, berapakah yang perlu anda belanjakan setiap bulan untuk plan Takaful anda? Berikut adalah beberapa faktor untuk anda pertimbangkan:



1

BERAPAKAH YANG ANDA SEBENARNYA MAMPU?



Sebelum anda menetapkan sebahagian peratusan gaji bulanan anda untuk perbelanjaan Takaful, anda seharusnya mengenalpasti terlebih dahulu berapakah amaun yang anda sebenarnya mampu keluarkan setiap bulan, kerana setiap orang mempunyai komitmen kewangan yang berbeza. Apabila menyertai plan Takaful, anda perlu pertimbangkan plan yang anda mampu untuk jangka panjang kerana komitmen kewangan boleh berlarutan sehingga beberapa dekad. Mulakan dengan tahap perlindungan yang rendah dahulu, kemudian tingkatkan di masa akan datang apabila keadaan kewangan anda lebih stabil.

2

APAKAH JENIS PERLINDUNGAN YANG ANDA PERLUKAN?




Persoalan ini tidak boleh dijawab hanya berdasarkan pendapatan anda, kerana tahap perlindungan yang anda perlukan tidak terikat hanya pada gaji anda, tetapi fasa kehidupan semasa yang anda lalui. Anda terlebih dahulu perlu memahami apakah perlindungan yang paling penting untuk anda, kemudian kenalpasti berapakah perlindungan yang mencukupi untuk melindungi anda dan keluarga sebelum mendapatkan anggaran yang munasabah. Perlindungan asas yang anda perlukan adalah perlindungan perubatan, kematian, hilang upaya dan penyakit kritikal.



3

SESUAIKAN DAN TINGKATKAN PERLINDUNGAN APABILA DIPERLUKAN



Di sinilah kemahiran Perancangan Kewangan diperlukan. Apabila anda telah mengenalpasti keperluan anda dan kosnya, anda perlu pastikan ianya berjaya. Seringkali anda tidak mempunyai bajet yang mencukupi untuk Takaful dan matlamat kewangan yang lain. Sekurang-kurangnya anda perlu mendapat perlindungan Takaful asas bagi diri anda dan keluarga tersayang. Rancang keutamaan komitmen kewangan anda supaya anda dapat melindungi diri dan keluarga secukupnya.





Anda perlu menilai semula matlamat kewangan anda untuk melihat sama ada ianya realistik. Kaji dan tinjau pelan-pelan takaful yang mampu milik dan fleksibel yang membolehkan anda meningkatkan atau mengurangkan Jumlah Perlindungan sepanjang masa. Lebih-lebih lagi, Takaful berlandaskan konsep murni iaitu muafakat bersama, yang mana para peserta bersepakat untuk saling menjamin dan membantu ketika memerlukan. Melalui cara ini anda bukan sahaja melindungi diri dan keluarga anda, bahkan dapat membantu orang lain juga.